

# Kempas 2013 fokus peranan air

## » Program peringkat kebangsaan di Hutan Simpan Ayer Hitam

Oleh Khairunnisa Kamarudin  
nisa.kamarudin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**rogram Kem Pendidikan Alam Sekitar (Kempas) 2013 yang akan bermula esok, dijangka menarik penyertaan hampir 4,000 pelajar sekolah menengah dari seluruh negara.

Kem itu dianjurkan Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak 2007 bagi memberi kesedaran kepada generasi muda, khususnya pelajar sekolah, mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

Bagi penganjuran kali ini yang bertema 'Hutan dan Air' dan turut mendapat kerjasama ExxonMobil serta BH, Kempas akan memfokus kepada peranan air dalam elemen hutan,



“**Sebelum melayakkan diri ke peringkat kebangsaan, kesemua pelajar yang menghantar penyertaan akan diminta menjalani ujian bertulis menjawab 30 soalan objektif berkaitan alam sekitar di pusat peperiksaan**”

**Dr Paiman Bawon,**  
Naib Pengerusi Kempas

termasuk flora, fauna, tanah dan cuaca memandangkan ia adalah sumber makanan kepada semua kehidupan.

Naib Pengerusi Kempas 2013, Dr Paiman Bawon, berkata pihaknya sudah menerima banyak penyertaan untuk Kempas 2013 yang terbuka

kepada pelajar Tingkatan Empat di semua sekolah.

### **Kem lapan hari**

“Program ini bukan bertujuan menobatkan johan pertandingan semata-mata, tetapi lebih penting ialah memberi mereka pengetahu-

an mengenai pentingnya air dalam kehidupan yang harus dipelihara sebaik mungkin,” katanya.

Beliau berkata, seramai 48 pelajar akan dipilih ke peringkat kebangsaan, iaitu tiga wakil bagi setiap negeri, di mana mereka bakal mengikuti kem di chalet Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong, selama lapan hari serta didedahkan kepada pelbagai modul berkaitan air dan sungai.

### **Jalani ujian**

“Sebelum melayakkan diri ke peringkat kebangsaan, kesemua pelajar yang menghantar penyertaan akan diminta menjalani ujian bertulis menjawab 30 soalan objektif berkaitan alam sekitar di pusat peperiksaan ditentukan oleh Pejabat Pelajaran Daerah, serentak pada 3 September ini (esok).

“Selepas itu, barulah kami akan memilih 48 peserta layak ke peringkat kebangsaan bagi mengikuti kem selama lapan hari bermula 23 hingga 30 November depan untuk menjalani aktiviti dan modul disediakan,” katanya.

Johan akan menerima RM1,000, naib johan RM800 dan tempat ketiga RM600.